

NEGARA ISLAM

Jaminan Kebebasan Beragama dalam Hukum Islam

Makalah ini menerangkan soal “Kemerdekaan beragama dalam hukum Islam. Pada masa ini bangsa-bangsa di dunia telah mengakui bahawa salah satu di antara hak asasi manusia yang mesti mendapat perlindungan ialah hak kemerdekaan beragama. Berabad-abad lebih dahulu daripada itu agama Islam telah mengakui dan menjamin hak beragama tersebut” kata *faḍīlah al-Ustādh* Muḥammad Arshad Talib Lubis, Medan, ketika menolak tuduhan golongan yang jahil yang mengatakan: Kalau umat Islam berkuasa maka sekalian rakyat akan dipaksa memeluk Islam.

Di bawah ini kita sajikan kupasan beliau, bahagian yang kedua dan penutup, dengan selengkapnya – pengarang Qalam.

(Oleh: Faḍīlat al-Ustaz Muḥammad Arshad Talib Lubis)

-7-

Keterangan Sejarah

Bagi menjelaskan keterangan yang telah lalu, di bawah ini dikemukakan beberapa keterangan dari sejarah seperti berikut:

1. Pada suatu hari dalam peperangan *Ghaṭafān*, Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* beristirahat di bawah sepohon kayu sambil menunggu pakaianya yang terjemur. Kaum Muslimin pada waktu itu sedang berselerak pada beberapa tempat. Tiba-tiba datang seorang yang bernama Da‘thur dari pihak musuh dengan pedang yang terhunus, berdiri berhampiran dengan kepada Nabī sambil berkata: “Siapakah yang dapat menyelamatkan engkau daripada aku, hai Muḥammad?”

Nabī dengan tegas menjawab: “Allah”.

Mendengar perkataan itu, kerana merasa hebat dan takut terlepaslah pedang itu dari tangannya. Pedang itu pun diambil oleh Nabī dan berkata kepada orang itu:

“Siapakah yang dapat menyelamatkan engkau daripadaku?”

Orang itu menjawab “Tiada siapa pun”.

Setelah mendengar jawapan itu, Nabī pun mengampunkannya dan menyuruhnya pergi. Orang itu dilepaskan oleh Nabī dengan tidak memaksanya masuk Islam, meskipun baginda telah dapat menawannya. Akhirnya dengan sukarela orang itu memeluk Islam.

2. Pada bulan Syaaban tahun kelima *hijriyyah*, terjadi perang Banī al-Muṣṭaliq. Banī al-Muṣṭaliq ini ialah suatu suku bangsa arab. Mereka telah dikalahkan dan ditawan oleh Nabī. Kemudian mereka dibebaskan semuanya dengan tidak menukar agama mereka. Akhirnya mereka dengan sukarejanya telah memeluk Islam.

3. Pada bulan Syawal tahun kedua *hijriyyah*, terjadi peperangan Yahudi Banī Qaynuqā‘, tempat kediaman mereka dikepung oleh kaum muslimin kerana mereka melanggar perjanjian. Setelah lima belas hari mereka pun menyerah. Kaum Yahudi telah mencabuli perjanjian ini dibiarkan

keluar meninggalkan Madinah dengan permintaan mereka sendiri dan tidak dipaksa menukar agama mereka.

4. Pada bulan Rabiulawal tahun keempat *hijriyyah*, terjadi peperangan dengan Yahudi Banī al-Naḍīr. Tempat kediaman mereka dikepung oleh kaum Muslimin kerana mereka melanggar perjanjian. Pada suatu hari ketika Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* datang ke tempat kediaman mereka, mereka pun bermuafakat hendak membunuh Nabī Muḥammad. Maksud mereka yang tersebut akhirnya dapat diketahui. Setelah enam bulan lamanya dikepung, mereka pun menyerah diri. Meskipun mereka telah melakukan pakatan jahat terhadap Nabī, permintaan mereka telah dipenuhi juga. Mereka meminta supaya dibiarkan sahaja mereka keluar meninggalkan Madinah. Berangkatlah mereka meninggalkan Madinah dengan membawa harta benda yang dapat dibawa mereka. Walaupun mereka telah dapat ditawan tetapi tidak dipaksa masuk Islam.

Demikianlah beberapa contoh menjadi bukti bahawa agama Islam tidak melakukan paksaan dalam agama.

- 8-

Pergaulan Yang Baik Terhadap Ibu Bapa

Yang Berlainan Agama

Seterusnya jaminan kebebasan beragama dalam hukum Islam telah ditunjukkan oleh *al-Qur’ān* sampai kepada garisan kecilnya. Misalnya firman Allah Ta‘ālā dalam surah *Luqmān* ayat 15:

Wa ‘in jāhadāka ‘alā ‘an tushrika bī mā laysa laka bihī ‘ilmun falā tuṭī ‘humā waṣāḥibhumā fī al-dunyā ma ‘rūfan.

Ertinya: “Dan jika keduanya (ibu bapa) mendesak sungguh-sungguh kepadamu, supaya menyekutukan daku yang tidak

ada pengetahuanmu dalam perkara itu, janganlah engkau taati keduanya dan bergaullah dengan mereka dengan baik dalam dunia ini.”

Ayat ini menunjukkan satu pengajaran yang amat tinggi mutunya tentang berlapang dada dalam soal kebebasan beragama. Ditunjukkannya bagaimana sepatutnya sikap seorang anak terhadap ibu bapanya yang berlainan agama. Anak itu disuruh bergaul dengan ibu bapanya secara baik walaupun mereka berlainan agama, tetapi janganlah ditaati kalau mereka mengajaknya supaya dia murtad dan menyekutukan Tuhan.

Agama Islam tidak mengajarkan, jika ibu bapa yang berlainan agama mengajak engkau supaya menjadi murtad dan menyekutukan Tuhan hendaklah engkau memaksa mereka memeluk Islam. Kepadanya hanya diajarkan supaya jangan berlaku taat kepada keduanya kalau mereka mengajaknya kepada yang demikian, tetapi bergaullah dengan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.

- 9 -

Beristerikan Perempuan Kafir Kitābī

Hukum Islam mengizinkan lelaki yang beragama Islam berkahwin dengan perempuan kafir *kitābī* (hukum ini ada dinyatakan dalam *al-Qur’ān*, surah *al-Mā’idah*, ayat 5). Kafir *kitābī* atau ahli kitab itu ialah orang-orang yang beragama Yahudi dan Nasrani. Syarat-syarat perempuan Yahudi dan Nasrani yang boleh nikah dengan lelaki yang beragama Islam dapat diselidiki dalam kitab-kitab fekah. Mereka boleh nikah dengan tidak menukar agama masing-masing. Yang lelaki tetap beragama Islam dan yang perempuan beragama Yahudi atau Nasrani. (Tetapi seyogianya diingat, perempuan Islam

tidak dibenarkan oleh Islam bersuamikan lelaki yang

-10-

beragama Yahudi atau Nasrani atau yang lainnya yang bukan Islam – P. Q.).

Hak-hak isteri yang beragama Yahudi atau Nasrani tidak berbeza dengan hak-hak isteri yang beragama Islam.

Suami wajib bergaul dengan mereka dengan baik.

Wajib memberinya belanja, makan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya. Bebas dan merdeka memeluk agamanya, dan bebas beribadat menurut agamanya. Jika si isteri itu seorang yang beragama Nasrani (Kristian), boleh pula pergi ke gereja pada hari Ahad.

Dengan demikian Islam telah memimpin umatnya menjadi orang yang dapat berlapang dada dengan sesungguhnya dalam menghadapi berbagai faham dan keyakinan. Dan dengan demikian hukum Islam telah mengizinkan pengikutnya mengambil rakan hidup tempat menumpahkan kecintaannya seorang yang berlainan agama menjadi pengurus rumah tangganya. Mengizinkan orang yang berlainan agama menjadi ibu kandung bagi anaknya. Mengizinkan dalam serumah tangga hidup rukun damai dan cinta-mencintai akan dua orang yang berlainan agamanya. Mengizinkan di tengah-tengah sekumpulan keluarga berlaku dua macam cara mereka mengerjakan ibadat dalam suasana aman dan tenteram.

Suami beribadat menurut Islam dan isteri beribadat secara Kristian atau Yahudi. Demikianlah luas dan lapangnya erti kebebasan beragama yang telah mendapat jaminan dalam hukum Islam. (Dalam pada itu, perkahwinan yang seperti itu, ada syarat-syaratnya sebagaimana yang dihuraikan di dalam kitab-kitab fekah – P. Q.).

Bermuamalat Dengan Orang Berlainan Agama

Dalam Hadīth yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī,

Muslim dan lain-lainnya, diterangkan bahawa Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*, pernah berhutang makanan kepada seorang Yahudi. Bagi hutang yang tersebut, baginda telah menggadaikan baju rantai kepunyaannya. Pada ketika Nabī wafat baju rantai itu masih tergadai kepada seorang Yahudi sebagai cagaran bagi tiga puluh gantang *sha’iyr* (padi gandum) yang dihutangnya. (Nayl al-Awṭār 5: 197-198). Baju rantai itu kemudian telah ditebus oleh Sayyidinā ‘Abū Bakar al-Ṣiddīq, *radī Allāh ‘anhu..*

Riwayat yang tersebut menunjukkan bahawa orang-orang Yahudi dapat hidup bebas dalam negara Islam. Di antara mereka ada yang kaya sehingga Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* sendiri berhutang kepada mereka.

Ulama fekah telah mengambil hukum dari perbuatan Nabī yang tersebut bahawa umat Islam boleh bermuamalat, iaitu berjual beli, sewa-menyewa, pinjam-meminjam, hutang–menghutang dan lain-lainnya dengan orang-orang yang bukan Islam. Jangan sampai ada orang yang mengatakan bahawa perbuatan itu terlarang, dengan alasan bahawa orang itu bukan beragama Islam, atau harta orang yang tidak beragama Islam tidak terjamin halalnya kerana harus harta-harta itu diperolehnya dari jalan yang tidak halal.

Kalaulah umat Islam tidak boleh berhutang dalam perkara muamalat dengan orang yang tidak beragama Islam, nescaya tidaklah Nabī berhutang kepada orang Yahudi. Bukankah di antara sahabat-sahabat Nabī sendiri banyak orang yang kaya-kaya? Dan mereka semuanya termasuk orang-orang

yang reda membela Nabī, malah reda mengorbankan jiwa kerananya. Tetapi Nabī sendiri tidak pergi kepada sahabat-sahabatnya yang setia itu, ia pergi kepada orang Yahudi, hendak menunjukkan bahawa perbuatan yang demikian tidak terlarang dalam hukum Islam. Umat Islam boleh bermuamalat dengan orang-orang yang berlainan agama.

- 11 -

Perang Untuk Membela Diri dan Menjamin Kebebasan Beragama

Satu soal lagi yang harus mendapat penjelasan ialah soal perang dalam Islam. Riwayat telah mencatat bahawa Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa ṣallam* dan sahabat-sahabatnya berulang-ulang pernah berperang. Kitab suci *al-Qur’ān* dan Ḥadīth banyak memperkatakan soal perang, bahkan di antaranya didapati ayat-ayat dan Ḥadīth-Ḥadīth yang memerintahkan memberi semangat kepada berperang.

Dengan mengemukakan keterangan-keterangan riwayat-riwayat Qur’an dan Ḥadīth yang tersebut, ada orang yang membuat-buat tuduhan dengan sengaja, mengatakan bahawa agama Islam tersiar dengan pedang. Tuduhan itu maksudnya hendak menyatakan bahawa agama Islam, sebenarnya telah melakukan paksaan dalam beragama. Dan perang yang dilakukan oleh Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa ṣallam* dan sahabat-sahabatnya ialah perang bagi memaksa orang memeluk agama Islam.

Keterangan yang telah dikemukakan dalam bahagian-bahagian yang lalu sudah cukup membuktikan salahnya tuduhan itu. Yang harus dikemukakan lagi di sini hanya penjelasan tentang sebab-sebab perang itu dilakukan. Satu hal yang telah nyata benarnya, bahawa perang itu bukanlah untuk memaksa orang bergama Islam.

Sejarah telah membuktikan, tiga belas tahun lamanya Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ṣallam* menyiarkan Islam di negeri Makkah al-Mukarramah dengan menghadapi berbagai rintangan dan perbuatan yang kejam. Pengikut-pengikutnya dianiyai dan diseksa. Dua kali mereka berhijrah, meninggalkan kampung halaman, menyeberangi Laut Merah kerana mencari perlindungan di negeri Habsyah – di benua Afrika, yang jauh letaknya dari negeri Makkah. Dalam masa yang sekian lamanya, tidak sekali juga Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ṣallam* dan sahabat-sahabatnya melakukan balasan dengan kekasaran terhadap perbuatan yang zalim dan kejam itu bahkan dalam masa yang tersebut, ayat-ayat Qur’an selalu turun menyuruh berlaku sabar.

Seterusnya musuh-musuh Islam tadi belum merasa puas dengan perbuatan-perbuatan kejam yang telah dilakukan itu. Pada akhirnya mereka telah mengambil pula satu keputusan hendak membunuh Nabī. Dengan sebab itu Nabī dan sahabat-sahabatnya diperintahkan berhijrah meninggalkan kampung halaman dan rumah tangga mereka. Sedang umat Islam yang belum mempunyai kesanggupan berhijrah tinggallah di negeri Makkah dengan penderitaan yang sangat menyedihkan. Demikianlah penindasan terhadap kemerdekaan mengembangkan agama serta kebebasan mengemukakan pendapat dan keyakinan tiga belas tahun lamanya berlaku.

Musuh-musuh Islam tersebut belum juga merasa puas, meskipun Nabī dan sebahagian besar sahabat-sahabatnya telah berhijrah dan menetap di Madinah. Mereka kelihatan terus menerus membuat persiapan bagi melancarkan serangan mereka. Pada ketika itulah bagi pertama kali ayat Qur’an turun mengizinkan umat Islam berperang.

Berpandu kepada bunyi ayat-ayat itu, dapat diketahui apa yang menjadi sebab kaum muslimin diizinkan berperang

ayat-ayat itu berbunyi seperti berikut: (Ayat pertama dalam

Surah *al-Hajj*, 39 - 40):

'Udhina lil ladhīna yuqāṭalūna bi'annahum zulimū wa 'inna Allāha 'alā naṣrihim laqadīr. Al-ladhīna 'ukhrijū min diyārihim biḡhayri haqqin 'illā 'an yaqūlū rabbunā Allāh,, walaw lā daf'u Allāhi al-nāsa ba 'duhum bība 'di llahuddimat ṣawāmi 'u wabiya 'un waṣalawātun wa masājīdu yudhkaru fīhāsmu Allāhi kathīran.

Ertinya: “Telah diizinkan (berperang) bagi mereka yang diperangi kerana telah dianiaya dan sesungguhnya Allah berkuasa menolong mereka. Iaitu orang-orang yang diusir dari kampung halaman mereka dengan tiada suatu kebenaran, selain kerana mereka berkata: Tuhan kami ialah Allah. Jika tidaklah Allah mempertahankan manusia setengah dengan setengahnya, nescaya dirobohkan oranglah tempat-tempat pertapaan (Nasrani), gereja-gereja, tempat-tempat ibadat Yahudi dan masjid-masjid yang di dalamnya disebut nama Allah banyak-banyak.”

Ayat kedua firman Allah Ta'ālā dalam surah *al-Baqarah*, 190:

Waqātilū fī sabīli Allāhi al-ladhīna yuqāṭilūnakum walā ta 'tadū 'inna Allāha lā yuḥibbu al-mu 'tadīn.

Ertinya: “Dan perangilah pada jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, dan jangan kamu melampaui batas, kerana Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.”

Inilah dua ayat yang mula-mula turun mengizinkan dan memerintahkan umat Islam berperang. Ayat-ayat tersebut telah menjelaskan sebab-sebab perang itu terjadi.

Ayat pertama menerangkan bahawa perang itu diizinkan kerana umat Islam telah dianiaya. Mereka telah diusir

dari kampung halamannya hanya kerana perkara agama dan keyakinan sahaja, iaitu kerana mengakui bertuhankan Allah 'azza wa jalla.

Ayat yang kedua menerangkan bahawa perang itu diperintahkan kerana umat Islam telah diserang lebih dahulu. Mereka berperang itu untuk membela dan mempertahankan diri dari serangan musuh.

Menurut ayat-ayat tersebut, sebab-sebab perang itu terjadi dapat disimpulkan dalam dua perkara yang berikut:

1. Untuk membela dan mempertahankan kemerdekaan beragama dan kebebasan mengamalkan dan mengembangkannya. Umat Islam beriman dan bertuhankan Allah 'azza wa jalla. Kerana itu mereka memeluk agama Islam yang diperintahkan dan mengamalkan serta mengembangkan ajarannya. Dalam pada itu mereka telah dianiaya kerana keyakinan mereka yang tersebut. Mereka tidak mendapat kebebasan mengamalkan dan mengembangkan ajaran dan hukum agamanya, bahkan telah dianiaya pula. Maka Tuhan telah mengizinkan mereka mengangkat senjata untuk membela keyakinan mereka dan mempertahankan kemerdekaan beragama serta kebebasan mengamalkan dan mengembangkannya.

2. Untuk membela dan mempertahankan diri dari serangan musuh. Umat Islam diperintahkan berperang kalau mereka diserang dan diperangi. Tujuan perang itu untuk membela dan mempertahankan diri, dan untuk membela dan mempertahankan kehormatan anak isteri dan hak milik umat Islam.

Demikianlah pengertian yang diberikan oleh ayat-ayat Qur'an dan ḥadīth-ḥadīth yang berhubung dengan perintah dan anjuran

perang itu. Tiap-tiap ayat atau Ḥadīth yang menganjurkan berperang seyogialah dipandang bahawa anjuran itu terhadap perang yang telah wujud sebab-sebabnya. Di antara sebab-sebab itu semuanya tidak dijumpai satu sebab pun yang mengandungi maksud hendak memaksa orang beragama Islam. Lebih lanjut keterangan yang berhubung dengan soal ini dijelaskan lagi oleh ayat-ayat yang berikut:

Firman Allah di dalam surah al-Baqarah, ayat 193:

Waqātilū hum ḥattā lā takūna fitnatun wayakūna al-dīnu lillāhi fa'in intahaw falā 'udwāna illā 'alā al-ẓālimīn.

Ertinya: “Dan perangilah mereka sehingga tidak ada fitnah dan menjadilah agama itu bagi Allah. Kalau mereka telah memberhentikan – perbuatan fitnah mereka – maka tidaklah ada permusuhan kecuali terhadap orang-orang yang zalim.” (baca lagi ayat 40, surah al-Anfal).

Ayat ini memerintahkan berperang hingga tidak ada “fitnah”. Fitnah itu menjadi tanda perbatasannya. Peperangan itu mestilah diberhentikan jika fitnah itu tidak ada lagi. Maksud “fitnah” di sini ialah “melakukan penganiayaan terhadap orang lain kerana perkara iman dan agama, serta melakukan paksaan supaya meninggalkan agamanya.” (Tafsir al-Manār 10:308 dan “Al-Qur’ān wa al-Qitāl” muka 30).

Sebagaimana yang diterangkan di atas, musuh-musuh Islam telah melakukan fitnah terhadap umat Islam. Orang-orang Islam dianiaya kerana perkara agama dan dihalangi mengembangkan Islam. Oleh itu mereka diizinkan mengangkat senjata. Menurut ayat yang tersebut itu mestilah diberhentikan apabila fitnah itu telah tersingkir dan kaum Muslimin bebas menjalankan ajaran agamanya, bebas

mengembangkannya dan tidak kedapatan paksa-memaksa dan aniyai-menganiaya dalam beragama. Maka ayat itu menjelaskan bahawa perang tersebut maksudnya hanya untuk menyingkirkan fitnah supaya kebebasan beragama bagi umat Islam terjamin, bukan untuk memaksa orang memeluk agama Islam.

Demikianlah juga Tuhan berfirman di dalam Surah

al-Tawbah, ayat 30¹:

Qātilū al-ladhīna lā yu'minūna bi Allāhi walā bilyawm al-'ākhiri wa lā yuḥarrimūna mā harrama Allāhu warasūlūhū wa lā yadīnūna dīn al-ḥaqqi min al-ladhīna 'ūtū al-kitāba ḥatta yu'tū al-jizyataa 'an yadīn wahum ṣāghirūn.

Ertinya: “Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah, dan tidak (beriman) kepada hari akhirat, dan tidak mengharamkan yang diharamkan Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, daripada orang-orang yang telah diberi kepadanya al-Kitāb, hingga mereka membayar jizyah dari tangan mereka dengan hinanya.”

Orang-orang yang telah diberi kepadanya al-Kitāb (Yahudi dan Kristian) yang tidak beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat serta mempunyai sifat-sifat sebagaimana yang tersebut dalam ayat ini akan diperangi jika telah wujud sebab-sebabnya. Dengan membayar *jizyah* itu mereka telah menjadi “*dhimmī*” yang mendapat perlindungan jiwa dan hartanya serta bebas menjalankan agamanya. Oleh itu tidak ada sama sekali peperangan yang dibenarkan oleh Islam yang bertujuan hendak memaksa orang-orang yang bukan Islam supaya memeluk Islam. Bahkan Islam memerintahkan peperangan itu mestilah diberhentikan jika mereka telah tunduk membayar *jizyah*, biarpun pada mulanya perang tersebut

¹ sebetulnya ayat 29

terjadi kerana sebab yang datang pihak mereka sendiri.

Demikianlah peraturan perang antara kaum Muslimin dengan golongan yang bukan Islam. Elok juga diterangkan dengan ringkas di sini peraturan yang mesti dijalankan jika terjadi perang di antara sesama kaum muslimin.

Tentang ini Tuhan berfirman di dalam Surah *al-Hujurat*, ayat 9-10:

Wa'in tã`ifatãni min al-mu`minina `iqtatalũ fa `ašlihũ baynahumã, fa'in baghat `ihdãhumã `ala al-`ukhrã faqãtilũ al-latã tabghã hattã tafi`ã `ilã `amri Allãhi, fa'in fã`at fa `ašlihũ baynahumã bi al-`adli wa aqsitũ, `inna Allãha yuhibbu al-muqsiŕin. `Innamã al-mu`minũna `ikhwatun fa `ašlihũ bayna `akhawaykum wa ittaqũ Allãha la `allakum turhamũn.

Ertinya: “Dan kalau dua golongan orang-orang mukmin berbunuh-bunuhan (berperang) damaikanlah di antara keduanya. Kalau salah satu di antara keduanya berlaku zalim terhadap yang lain, perangilah kamu akan (puak) yang berlaku zalim itu hingga ia tunduk kepada perintah Allah. Kalau ia telah tunduk, damaikanlah di antara keduanya dengan adil. Berlaku adillah kamu, sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berlaku adil. Bahawasanya orang-orang yang mukmin itu bersaudara, maka damaikanlah di antara saudara-saudara kamu, dan takutlah kepada Allah moga-moga kamu dirahmati-Nya.”

Ayat ini menjadi dasar penyelesaian perang di antara sesama kaum muslimin. Kedua-dua golongan orang-orang Mukmin yang berperang itu mestilah didamaikan lebih dahulu. Jika ada golongan yang tiada mahu berdamai dan mereka bertindak zalim terhadap yang lain, hendaklah golongan itu diperangi

sehingga tunduk kepada perintah Allah, setelah itu hendaklah pula didamaikan dengan adil kerana orang-orang mukmin itu sekaliannya bersaudara. Memerangi golongan yang bertindak zalim dan tiada mahu damai di sini hanya untuk menegakkan keadilan dan perdamaian di tengah-tengah umat Islam.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang tersebut di atas, nampaklah dari berbagai-bagai segi, baik perang yang terjadi di antara kaum muslimin dengan golongan yang bukan Islam, atau pun perang yang berlaku di antara kaum muslimin sesama sendiri. Tujuan hendak melakukan paksaan dalam beragama tidak wujud sama sekali.

-12-

Amanah Sayyidinã `Abũ Bakar

dan Surat Perdamaian Sayyidinã `Umar

Pada ketika Sayyidinã `Abũ Bakar, *rađiya Allãhu `anhu*, hendak memberi selamat jalan kepada angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh panglima perang, `Usãmah ibn Zayd, ia telah memberi amanah (berpesan) seperti yang berikut:

“Jangan kamu berkhianat, jangan menipu, jangan menggelapkan harta benda yang dapat dari musuh, jangan menyeksa mayat, jangan membunuh kanak-kanak, orang-orang tua dan perempuan, jangan menebang dan membakar pohon-pohon kurma, jangan memotong pohon-pohon yang berbuah, jangan menyembelih kambing, lembu dan unta kecuali untuk dimakan. Kamu kelak akan melalui beberapa kaum yang tinggal menetap di gereja, biarkanlah mereka dengan urusan mereka di gereja itu.”

Dalam surat perdamaian yang diperbuat oleh Saydina `Umar ibn al-Khattãb dengan penduduk Iliya' (Bayt al-Maqdis) diantaranya tersebut seperti berikut:

“Dengan nama Allah yang Pengasih lagi Penyayang. Inilah keamanan yang didirikan oleh hamba Allah, ‘Umar, Amīr al-Mu’minīn, kepada penduduk Iliya. Mereka diberikan keamanan terhadap diri, harta, gereja, palang-palang salib yang masih baik atau yang rusak, dan terhadap semua bahagian aliran agamanya. Gereja-gereja mereka tidak boleh dijadikan tempat dirosakkan dan tidak boleh dialihkan dari tempatnya. Demikian juga terhadap palang-palang salib dan hartanya. Tidak boleh dipaksa mereka dalam beragama. Tidak boleh seorang pun dari orang-orang Yahudi tinggal bersama-sama dengan mereka. Dan wajib bagi penduduk Iliya’ (Bayt al-Maqdis) membayar *jizyah* seperti yang dibayar oleh penduduk al-Madā’in.....”

Amanah dan surat perdamaian yang tersebut ini membuktikan bahawa ajaran *al-Qur’ān* tentang tidak ada paksaan dalam beragama itu telah diturut dengan sebenar-benarnya oleh khalifah-khalifah yang memegang pimpinan negara Islam sesudah Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* wafat.

-13-

Perhubungan Kaum Muslimin dengan Orang yang Bukan Islam

Agama Islam telah menetapkan pula perenggan-perenggan yang akan dijadikan dasar melaksanakan perhubungan antara kaum Muslimin dengan orang-orang yang bukan Islam. Perenggan yang akan dijadikan dasar itu ialah hidup dalam suasana aman dan damai untuk melakukan kebaikan dan menegakkan keadilan. Bukan hidup dalam suasana bermusuhan-musuhan dan berperang. Dasar tersebut sentiasa dapat dipertahankan selama pihak lain tidak

bertindak jahat terhadap umat Islam. Misalnya dengan melakukan serangan terhadap atau mengusir mereka dari kampung halaman mereka. Pada saat tindakan-tindakan jahat itu dilakukan, umat Islam akan bangun bertindak pula, tetapi bukan untuk memaksa orang memeluk Islam bahkan untuk membela dan mempertahankan diri.

Tentang ini, Tuhan berfirman di dalam Surah al-Mumtaḥanah, ayat 8-9:

Lā yanḥākumu Allāhu ‘anil al-ladhīna lam yuqātilūkum fī al-dīni walam yukhrijūkum min diyārikum ‘an tabarrūhum watuqṣiṭū ‘ilayhim, ‘inna Allāha yuḥibbu al-muqṣiṭīn. iṭn. ‘Innamā yanḥākum Allāhu ‘an al-ladhīna qātalūkum fī al-dīni wa akhrajūkum min diyārikum wazāharū ‘alā ikhrājikum ‘an tawallawhum, wa man yatawallahum fa ‘ulā’ika humu al-zālimūn.

Ertinya: “Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap mereka yang tidak memerangi kamu dalam agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berlaku adil. Hanya dilarang Allah bahawa kamu bersahabat karib dengan orang-orang yang memerangi kamu dalam agama dan mengusir kamu dari kampung halaman kamu, dan bertolong-tolongan mereka untuk mengusir kamu. Barang siapa yang bersahabat karib dengan mereka maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

Lebih lanjut Tuhan berfirman di dalam surah al-‘Anfāl, ayat 62²:

Wa ‘in janahū lissalimi fajnah lahā watawakkal ‘alā Allāhi, ‘innahū huwa al-samī‘u al-‘alīm.

Ertinya: “Dan kalau mereka cenderung kepada perdamaian maka cenderunglah engkau kepadanya dan berserahlah

² sebetulnya ayat 61

kepada Allah sesungguhnya Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

Ayat ini telah menetapkan tiga dasar yang tinggi tujuannya berkenaan dengan soal perhubungan kaum muslimin dengan orang yang bukan Islam. Dasar itu ialah hidup dalam perdamaian, berbuat baik dan berlaku adil. Dengan tiga dasar ini, *'inshā' Allāh* akan dapatlah dibangunkan di tengah-tengah umat manusia suatu masyarakat yang aman dan damai.

-14-

Islam Agama Rahmat dan Kasih Sayang

Hal ini jelas nyata diterangkan oleh Allah *'azza wa jalla* dengan firman-Nya dalam surah al-'Anbiyya', ayat 107:

Wamā 'arsalnāka illā rahmatan li al-'ālamīn.

Ertinya: “Dan tidaklah engkau (wahai Muḥammad) kami utus melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam.”

Dijelaskan juga oleh Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam*, sabdanya:

Al-rāḥimūn yarḥamuhumu al-raḥmān, 'irḥamū man fī al-'arḍi yarḥamukum man fī al-samā'.

Ertinya: “Orang-orang yang pengasih akan dikasihani oleh Tuhan al-Raḥman. Kasihanilah orang yang di bumi nescaya kamu akan dikasihani oleh yang di langit.” (Riwayat 'Abū Daud dan al-Tarmidhi).

Sabdanya lagi:

Al-khalqu kulluhum 'iyālu Allāh fa aḥabbuhum ilā anfa 'uhum li 'iyālihi.

Ertinya: “Makhluk ini semuanya keluarga Allah. Orang yang amat dikasihani Allah di antara mereka ialah orang yang sangat banyak berbuat manfaat bagi keluarganya. (Riwayat 'Abū Ya'lā)

Dan sabdanya lagi:

Lā tadkhulū al-jannah ḥattā tu'minū walā tu'minū ḥattā taḥābū.

Ertinya: “Tidaklah kamu akan masuk syurga sebelum beriman, dan tidaklah kamu beriman sebelum berkasih-kasihani.” (Riwayat Muslim).

Demikianlah firman Allah *'azza wa jalla* dan sabda Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam*, menunjukkan bahawa agama Islam ialah agama rahmat dan kasih sayang. Iaitu agama yang segala pengajarannya bermaksud mendatangkan rahmat bagi seluruh alam dan menegakkan masyarakat yang penuh rasa kasih sayang dan kekeluargaan di dalamnya.

Agama rahmat dan kasih sayang ini telah berkembang. Di muka bumi berkurun-kurun lamanya disambut oleh penduduk dunia dengan hati yang tulus ikhlas, kerana telah meyakini kebenaran dan kesuciaan pengajarannya tidak sedikit pun melakukan paksaan.

Segala keterangan yang telah dipaparkan di atas menunjukkan bahawa kebebasan beragama itu telah mendapat jaminan yang sebenar-benarnya di dalam hukum Islam. Mudah-mudahan keterangan-keterangan ini memberi manfaat kepada sekalian pembaca - 'Āmīn.